



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
PADA SESI PENGGULUNGAN USUL
“MEMPERKUKUHKAN MAKSUD TAFSIRAN AHLI
SUNNAH WAL JAMAAH UNTUK MENJADI PEGANGAN
KEPADA ORANG ISLAM DI NEGERI MELAKA”
(23 SEPTEMBER 2021, KHAMIS)

Bismillahirrahmanirahim,

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat,

1. Saya bangun sekali lagi untuk menggulung perbahasan Usul yang telah dikemukakan oleh saya kepada Dewan Yang Mulia ini yang berbunyi:

"Bahawa Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan untuk Memperkukuhkan Maksud Tafsiran Ahli Sunnah Wal Jamaah untuk menjadi pegangan kepada orang Islam di Negeri Melaka agar satu pindaan dibuat ke atas Seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002".

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat,

2. Sebelum saya meneruskan ucapan penggulungan saya, di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong dan turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan Usul yang saya cadangkan ini.
3. Sesungguhnya, agama Islam adalah agama yang syumul iaitu menyeluruh yang merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Kesyumulan Islam itu dapat dilihat di mana Islam telah menyusun segala urusan kehidupan manusia di dunia ini dengan lengkap dan teratur.
4. Bahkan, segala suruhan dan tegahan serta penyelesaian yang ditawarkan Islam, mencerminkan aspek kesejahteraan, kebaikan dan kedamaian.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat,

5. Islam amat cintakan kedamaian dan keharmonian hidup serta melarang umatnya dari berpecah belah. Seperti firman Allah SWT di dalam Surah Ali Imran ayat 103,

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ
 بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ
 يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

6. Maksudnya: **“Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyah) bermusuh-musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu karena nikmat Allah, orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu dari padanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk”.**
7. Sementara itu, Allah SWT juga berfirman di dalam Surah Al-Hujarat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

8. Maksudnya: **“Bahawasanya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu yang bertelingkah itu dan bertaqwalah kepada Allah Subhanahu Wataala supaya kamu peroleh rahmat”.**

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat,

9. Sebagai umat Islam yang bersaudara, kita tidak mahu pelbagai gerakan yang bercanggah dengan ajaran Islam atau gerakan ekstremis dan sering membida'ah serta mengkafirkan amalan-amalan khilafiyah yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat Islam terus menjadi nanah yang merosakkan kesatuan dan keutuhan umat Islam seluruhnya.
10. Alangkah indahnyanya jika semua umat Islam bersatu atas pegangan aqidah yang satu dan menjadi Muslim yang terbaik yang boleh memberi manfaat kepada kehidupan manusia.
11. Marilah bersama-samalah kita bersatu, berdiri atas aqidah yang sama untuk memartabat dan meninggikan syiar Islam di Negeri Melaka yang tercinta ini.
12. Bersama-samalah kita membangunkan Negeri Melaka dengan kesatuan fikrah dan pegangan agar Melaka menjadi sebuah negeri yang aman damai yang disebut oleh Allah SWT sebagai **Baldatun Thaiyyibatun Wa Rabbun Ghafur**, iaitu negeri yang berjaya, makmur dan sejahtera serta dilimpahi dengan rahmat dan nikmat dari-Nya.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat,

13. Sebagai kesimpulannya, saya sekali lagi mencadangkan Dewan yang Mulia ini meluluskan usul yang saya bawa ini iaitu ***Memperkukuhkan Maksud Tafsiran Ahli Sunnah Wal Jamaah untuk menjadi pegangan kepada orang Islam di Negeri Melaka agar satu pindaan dibuat ke atas Seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002***". Sekian, terima kasih.

